

Authors: Kamaruddin Liusin
News: The New Sabah Times
Date: 27 May 2010
Language: Malay
Subject: Economy
Page: 6

DPMM Sabah cadang adakan usahasama dengan UMS

KOTA KINABALU: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Sabah bercadang untuk mengadakan usaha sama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi mengadakan program pembangunan usahawan dengan para pelajar universiti itu.

Yang Dipertua DPMM Sabah, Datuk Ag. Buhtamam Ag. Mahmud, berkata pihaknya menerusi Dewan Muda akan bersama-sama membantu bagi penyediaan keperluan serta peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh para pelajar UMS.

"Mereka (para pelajar UMS) juga boleh turut serta dalam program-program yang dianjurkan oleh DPMM Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengetuai rombongan Ahli Jawatankuasa DPMM Sabah mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UMS, Prof. Madya Dr. Kassim Mansur di UMS, kelmarin.

Ag. Buhtamam berkata, penganjuran seminar kerjaya dan kaunseling bagi pelajar tahun akhir dan graduan lepasan UMS yang berminat menjadi usahawan juga akan turut diadakan.

Selain itu, katanya, pihaknya juga akan mengenal pasti potensi dan peluang-peluang perniagaan yang terdapat di UMS untuk diterokai oleh ahli-ahli DPMM Sabah serta mengadakan program penyelidikan bersama.

Pihak DPMM Sabah juga turut melantik Dr. Kassim sebagai Penasihat DPMM Sabah.

Turut hadir pada kunjungan itu, Naib Yang Dipertua DPMM Sabah, Mohd Zulfikar Ahmad; Setiausaha Kehormat, Mohd Ghazali Mohd Nadzir dan Ahli Jawatankuasa DPMM Sabah serta Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan UMS, Mat Salleh Ayub. - **OLEH KAMARUDDIN LIUSIN (kamaruddin@newsabahtimes.com.my)**